KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	09/12/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	38
JABATAN	:	KeTSA			

BH 9.12.2021_38

Nestlé guna tenaga boleh diperbaharui

Nestlé Malaysia akan beralih sepenuhnya kepada tenaga boleh diperbaharui bagi seluruh operasinya di Malaysia mulai 1 Januari 2022.

Langkah itu akan membolehkan syarikat mengurangkan pelepasan sehingga 75,000 tan karbon dioksida setiap tahun.

Dalam pada itu, syarikat akan mempercepatkan usaha dan memenuhi komitmennya untuk memperoleh 100 peratus bekalan elektrik daripada sumber tenaga boleh diperbaharui (RE) menjelang 2025.

Langkah itu dapat dilaksanakan menerusi program Tarif Elektrik Hijau (GET), yang dilancarkan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dengan kerjasama TNBX Sdn Bhd, anak syarikat Tenaga Nasional Bhd (TNB) pada akhir bulan lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé Malaysia, Juan Aranols, berkata syarikat akan terus berusaha mengurangkan kesan alam sekitar sambil berusaha mencorakkan masa depan yang lebih hijau untuk semua.